

Psywar ultra kiasu ke Tunisia

Tidak semena-mena ultra kiasu menyatakan hasratnya untuk melawat Tunisia bagi mengkaji sistem politik dan pelaksanaan syariah di sana, ekoran daripada kunjungan hormat wakil parti An-Nahdah, Muhammad Ferjani ke pejabat mereka, sempena Nādhwah Ulama 2015 (Nunji 15), anjuran ultra kiasu serpihan Pas.

Sebelum ini, mereka telah ke Mesir dan Jordan bagi tujuan sama. Matlamatnya bukan untuk memahami hudud sebenarnya, tetapi lebih kepada strategi licik psywar dan psyop untuk memecah-behalkan umat Islam.

Akhirnya, Pas berpecah. An-Nahdah di bawah pimpinan Ghanouchi kini dilaporkan menyertai kerajaan melalui kerjasama politik, ketika Tunisia berada dalam transisi perubahan daripada negara autokratik kepada demokrasi.

An-Nahdah dikatakan parti dan gerakan Islam pertama di dunia yang menerima sistem demokrasi dengan sepenuhnya. Pendek kata, mereka mahukan Pas menjadi An-Nahdah, menolak hudud dan menerima demokrasi sepenuhnya. Saya tidak pernah hairan dengan keadaan politik Tunisia kerana mereka negara sebangsa (homogenous). Pi mai pi mai tang tu juga.

Ferjani dalam pertemuan dengan mereka berkata, Nabi Muhammad tidak melaksanakan hudud dalam tempoh 13 tahun, tetapi Baginda memperkenalkan Islam



**buka
minda**
RIDHUAN TEE
ABDULLAH

di Makkah. Pada saya, ini hujah budak baru sekolah. Hari ini, Islam sudah tertegak lama lebih 1400,

apakah kita mahu kembali ke zaman permulaan Makkah? Peliknya, ultra kiasu Pas menerima bulat-bulat. Nampaknya permainan politik Malaysia telah dimenangi sepenuhnya ultra kiasu. Kita kalah teruk dan terduduk. Mereka berjaya memanipulasikan isu dan memecah-behalkan parti politik Melayu (umat Islam).

Dalam BN, mereka berjaya menghantar wakil komponen sebangsa menentang Umno. Dengan sekutunya PKR, pun berjaya dipecahkan kepada beberapa kern. Pendek kata, apa pun isu hari ini, mereka menang besar.

Ultra kiasu tersangat faham hudud yang dibawa Pas, tetapi mereka tidak pernah bersetuju. Mereka akan cari seribu macam hujah dan alasan untuk menentang sebarang pelaksanaan hukum Islam di bumi bertuah ini, sama ada datang dari Pas atau orang lain. Mereka tidak pernah percaya dan suka kepada Islam.

Dan sudah tentu kepada kumpulan Islam yang berhujah bahawa hudud tidak penting, kemiskinan perlu ditamatkan, kumpulan ini yang paling disukainya. Itulah kumpulan ultra kiasu Pas yang berjaya ditank keluar dari Pas. Katakan kemiskinan berjaya dihapuskan, apakah selepas itu hudud akan dilaksanakan? Sampai bila kemiskinan boleh dihapuskan?

Apakah demokrasi alternatif terbaik untuk mengunsikan kemiskinan hari ini dengan menolak hudud?

Psywar dan psyop mereka tersangat berjaya. Peliknya, kita saling terus menjatuhkan tanpa henti. Nasilhat saya kepada parti politik Melayu (Islam), jika mahu terus memastikan tampuk kuasa terus dipegang, maka jangan terus mencipta kelemahan dan membuat masalah yang memudahhkan mereka untuk memerangkap.

Ultra kiasu dalam parti komponen BN semakin berani. Mereka menuntut dan mendesak supaya agenda anak bangsa mereka terus dipertika dan dilaksanakan. Misalnya, tindak-tanduk ultra kiasu yang baru dilantik menyertai Kabinet. Apabila ditanya wartawan mengenai apakah agenda utamanya? Maka, jawapannya SJKC menjadi keutamaannya.

Apabila menteri Melayu mahu mewujudkan Low Yat 2 (Mar), terus dituduh rasis. Kenapa kita tidak bertindak sebagai negarawan?

Terbaharu, ultra kiasu dalam BN ini mendesak supaya kandungan buku teks sejarah tahun 4-6 ditombak semula. Kaitanya terluh keislaman dan kemelayuan. Segerombolan pakar sejarah mereka telah menghantar memorandum, mengandungi lebih 80 perkara agar fakta buku teks sejarah yang baharu diperkenalkan kepada semua sekolah rendah diubah.

Mereka mahukan sejarah ditulis

mengikut konsep sama rata dan sama rasa. Jika sumbangan Melayu satu, sumbangan mereka juga satu. Tidak boleh ada kredit kepada pihak-pihak tertentu. Kasihan orang Melayu Islam, setengah mati memperjuangkan dan mempertahankan kemerdekaan, tiba-tiba sumbangan mereka mahu dinilai sama rata dan sama rasa.

Sungguh bijak mereka membahagikan tugas masing-masing di mana sahaja berada. Bila kerajaan syarikat subjek Sejarah itu diajar dalam BM, mereka tentang habishan hingga kerajaan mengalah. Akhirnya, subjek Sejarah diajar dalam bahasa ibunda masing-masing.

Pernahkan mereka terfikir dan berbincang bagaimana memandatkan anak-anak mereka dalam BM. Bagaimana memastikan anak mereka boleh bergaul mesra dengan bangsa lain melalui medium yang sama.

Saya amat yakin, selepas balik sahaja daripada lawatan ke Tunisia, psywar dan psyop mereka akan bertambah mantap. Apakah ketika itu kita langsung tidak boleh marah, hanya kerana Islam mahukan kita tonjolkan sifat ramah? Ultra kiasu tampar pipi kiri, kita bagi pipi kanan untuk ditampar lagi. Kita tengok berapa ramai ultra kiasu akan memeluk Islam dengan penonjolan sifat ramah ini?

*** Prof Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah,
INSPIRE/PPI, UNISZA**